PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 27 (1) Mei 2023 (022-033)

Tahap Pemahaman Golongan Muda terhadap Bahasa Bawean di Ampang, Selangor

[1]Mohamad Suhaizi Suhaimi & [2]Nurul Afiah Ahsan
[1]msuhaizi@iium.edu.my & [2]piahahsan@gmail.com

Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh

Tarikh terima : 18 Januari 2023
Received
Terima untuk diterbitkan : 7 Februari 2023
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 Mei 2023
Published online

Abstrak

Bahasa Bawean merupakan bahasa yang dituturkan oleh masyarakat Bawean khususnya dari kepulauan Bawean. Masyarakat Bawean di Malaysia merupakan satu kelompok kecil dalam masyarakat Melayu yang mengalami diaspora secara besar-besaran ke Singapura sehinggalah ke negara Malaysia dan membentuk penempatan di sini. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti kata nama yang berbeza antara suku kaum Banjar dan suku kaum Bawean. Selain itu, kajian ini turut menganalisis tahap pemahaman golongan muda terhadap bahasa Bawean di Ampang, Selangor. Metodologi kajian ini berbentuk kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Borang soal selidik secara dalam talian melalui aplikasi *Google Forms* digunakan untuk pengumpulan data. Selain itu kajian ini juga menggunakan kaedah kepustakaan. Seramai 24 responden yang terdiri daripada golongan muda yang menetap di Ampang, Selangor terlibat dalam kajian ini. Seterusnya, analisis data kajian ini menggunakan pendekatan jadual dan carta pai serta penghuraian data. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat sebanyak 44 perbezaan kata nama antara suku kaum Banjar dan suku kaum Bawean. Selain itu, tahap pemahaman golongan muda terhadap bahasa Bawean didapati berada pada tahap yang tinggi. Hal ini lantaran majoriti responden memahami kata nama bahasa Bawean dengan baik. Tuntasnya, situasi bahasa Bawean tidak mengalami kemerosotan dan golongan muda di Ampang masih mengetahui serta memahami bahasa tersebut.

Kata kunci: *kata nama, pemahaman, bahasa Bawean, masyarakat Bawean, golongan muda*

Youth Level of Understanding of the Bawean Language in Ampang, Selangor

Abstract

Bawean language is a language spoken by the Bawean people, especially from the Bawean islands. The Bawean community in Malaysia is a small group in the Malay community who experienced a massive diaspora from Singapore to Malaysia and formed settlements here. This study aims to identify the different nouns between the Banjar tribe and the Bawean tribe. In addition, this study also analyzes the level of understanding of young people in the Bawean language in Ampang, Selangor. The methodology of this study is a quantitative study that uses the survey method. An online questionnaire through the Google Forms application was used for data collection. In addition, this study also uses library methods. A total of 24 respondents consisting of young people living in Ampang, Selangor were involved in this study. Next, the data analysis of this study uses a table and pie chart approach as well as data analysis. The findings of the study found that there are 44 differences in nouns between the Banjar tribe and the Bawean tribe. In addition, the young people's level of understanding of the Bawean

language was found to be at a high level.. This is because the majority of respondents understand Bawean nouns well. Ultimately, the situation of the Bawean language has not deteriorated and the young people in Ampang still know and understand the language.

Keywords: *nouns, comprehension, Bawean language, Bawean people, youth*

1. Pengenalan

Suku kaum Bawean atau lebih dikenali sebagai Boyan adalah salah satu daripada suku kaum yang membentuk masyarakat Melayu Dagang di Negeri Selangor. Melayu Dagang adalah salah satu dari tiga jenis kelompok Melayu dalam pembahagian kaum Melayu di Malaysia. Melayu Dagang merangkumi suku kaum serumpun dengan Melayu yang kesemuanya dari rumpun Austronesia serta berasal dari luar Malaysia. Tambahan pula, bahasa Bawean merupakan variasi bahasa Indonesia yang mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu. Berdasarkan pemerhatian, suku kaum ini telah berasimilasi dengan orang Melayu setempat dan mengamalkan budaya percampuran Melayu tempatan serta budaya asal mereka. Justeru, sejak dari itu, suku kaum Boyan dinamakan dengan gelaran Melayu Boyan.

Orang Boyan merupakan salah satu dari suku Melayu Dagang di Semenanjung Malaysia. Orang Boyan berasal dari Pulau Bawean (kini sebahagian dari Provinsi Jawa Timur, Indonesia). Pulau Bawean juga digelar sebagai Pulau Anak Dara kerana majoriti orang lelaki dari pulau ini gemar merantau ke luar dan hanya tinggal orang wanita sahaja yang ramai di pulau ini. Diaspora besar-besaran orang Boyan dapat ditelusuri di Singapura pada 1820-an iaitu mereka tertarik dengan peluang ekonomi oleh kerajaan British. Dari Singapura, mereka banyak ke Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor (Muhammad Ridhwan Sarifin, 2016).

Penghijrahan Orang Bawean ke Tanah Melayu atau Malaya adalah secara bebas pada waktu itu tanpa melakukan perjanjian dan dihalangi oleh sebarang pihak (Saibi Ibrahim (1977). Menurut Zainal Abidin (1982), kedatangan waktu atau tarikh orang Bawean ke Malaysia adalah tidak dapat ditentukan khususnya ke Melaka kerana tiada catatan dan bukti sejarah mengenai penghijrahan mereka. Menurut beliau lagi, Tok Ayar merupakan orang Bawean yang telah datang ke Melaka pada tahun 1819. Seterusnya, ia dapat dibuktikan dengan terdapatnya pondok Bawean yang pertama telah dibina di Kampung Kuli, Melaka dan mereka melakukan pekerjaan mengangkat barang seperti beras di pelabuhan.

Di samping itu, menjelang tahun 1850, terdapat orang Bawean yang telah datang ke Tanah Melayu. Mereka merantau ke tempat lain seperti ke Johor Bahru, Kuala Lumpur, Melaka dan Pulau Pinang dari Singapura. Menurut Zainal Abidin (1982), kira-kira sewaktu penjajahan Inggeris di Melaka, orang Bawean sudah berada di Malaya pada tahun 1824. Pandangan lain pula menyatakan bahawa orang Bawean sudah ada di Melaka sebelum tahun 1900. Orang Bawean juga tersebar di Lembah Klang seperti di kawasan Ampang, Gombak, Balakong dan Shah Alam selain di Melaka.

1.1 Pernyataan Masalah

Bahasa Bawean merupakan salah satu ragam bahasa dalam kalangan suku kaum ras Melayu di Malaysia yang meliputi masyarakat daripada pelbagai etnik seperti Melayu, Jawa, Bawean, Banjar, Bugis dan beberapa yang lain. Bahasa ibunda masyarakat Bawean dari pelbagai latar belakang masyarakat ini agak terhimpit akibat desakan kehidupan. Desakan tersebut telah memberi ancaman pada pengekalan bahasa ibunda dan membawa masyarakat Bawean ke era perubahan bahasa. Hal ini juga sejajar dengan bahasa masyarakat minoriti lain yang turut mengalami kepupusan lantaran penghijrahan mereka ke negara lain (Roksana Bibi, 2006). Oleh itu, bahasa Bawean yang hampir dilupakan merupakan isu serius yang perlu diambil perhatian. Tambahan pula, berbahasa dengan baik mampu memacu penggunanya untuk turut berkelakuan baik, menyantuni adab dan sentiasa berada dalam lingkungan pengaruh yang baik (Hishamudin Isam et al, 2018)

Kekurangan kajian lepas berkenaan dengan bahasa Bawean menyebabkan kajian berkaitan bahasa ini perlu dijalankan. Pengkaji dalam dan luar negara tidak lagi menyentuh berkenaan aspek leksikal bagi bahasa Bawean. Hal ini dibuktikan melalui kajian Muhammad Ridhwan Sarifin et al. (2018) yang mengkaji latar belakang etnik dan identiti orang Bawean di Malaysia serta berhadapan dengan konflik pembinaan negara bangsa Malaysia. Tambahan pula, pengkaji-pengkaji tersebut juga melakukan kajian berkenaan Penggunaan Media dalam Pengekalan Identiti Etnik Generasi Kedua Bawean pada tahun 2021. Justeru, kelompongan kajian lalu, menjadi inspirasi pengkaji untuk meneroka dari aspek linguistik bahasa Bawean yang melibatkan golongan muda berketurunan Bawean. Hal ini demikian kerana tiada lagi kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji bahasa menerusi aspek tersebut.

Sebagai tambahan, bahasa Bawean tidak seperti bahasa Jawa, Bugis, Banjar yang lebih dikenali oleh masyarakat tempatan di Malaysia (Atiqah Khalid, 2019) yang menyebabkan masyarakat Melayu terutamanya mengetahui bahasa mereka. Perkara ini secara tidak langsung mendapati bahawa masyarakat secara umum mengenali bahasa Bawean sebagai bahasa Banjar. Namun begitu, kedua-dua bahasa tersebut adalah berbeza. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Muhammad Ridhwan Sarifin et al. (2017), data menunjukkan informan yang terdiri daripada masyarakat Bawean menyatakan bahawa Bawean adalah Melayu dan sama seperti Bugis dan Banjar. Oleh hal yang demikian, isu ini menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat kerana identiti masyarakat Bawean sering disama ertikan dengan Banjar atau Jawa sedangkan masyarakat Bawean mempunyai identiti yang tersendiri seperti bahasa mereka. Selain itu, kekurangan pemakaian dialek dalam kalangan golongan muda serta malu untuk menggunakannya telah menimbulkan permasalahan (Khadijah Sidek, 2021). Hal ini lantaran perkembangan bahasa dalam sesuatu wilayah yang dikatakan menjadi buruk apabila berkurangnya wilayah pemakai (Liyana Dian Prastiwi, 2019). Impaknya ialah dialek tersebut kurang difahami atau tidak dapat diwarisi oleh generasi yang menyusul sedangkan sistem ini yang menjadi "pengikat" atau aturan yang diterima oleh anggota masyarakat itu atau dipegang secara bersama (Kalthum Ibrahim, 2017).

Justeru, sorotan daripada sejarah kedatangan masyarakat Bawean ke Malaysia, kajian ini memfokuskan kepada aspek kata nama bahasa Bawean dengan bahasa Banjar yang dikatakan memiliki persamaan kosa kata bagi kedua-dua masyarakat tersebut. Tambahan pula, masyarakat Bawean dan masyarakat Melayu yang serumpun menjadi fokus kajian dalam melihat kepada tahap pemahaman golongan muda terhadap bahasa Bawean.

2. Sorotan Literatur

Antara kajian yang dijalankan oleh penyelidik lepas berkaitan tahap pemahaman golongan muda terhadap bahasa Bawean adalah berkaitan dengan kata nama dan juga pemahaman terhadap sesebuah bahasa atau dialek. Berikut merupakan kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian.

Kata Nama dalam Bahasa Masyarakat

Aspek Leksikal Kata Nama dalam Dialek Masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai Perak merupakan tajuk kajian Mohd Khaidir Abdul Wahab et al. (2020) yang bertujuan mengenal pasti aspek leksikal dalam dialek Banjar yang terdiri daripada golongan kata nama sahaja dan dilakukan perbandingan dengan istilah bahasa Melayu standard. Dapatan kajian menunjukkan terdapat lapan golongan kata nama yang dikhususkan seperti jantina, peralatan dapur, arah, anggota badan dan kuih. Contohnya, bagi kata nama jantina, dialek Banjar bagi lelaki ialah "lalakik" manakala perempuan pula ialah "bibinik". Di samping itu, pengkaji juga menunjukkan hasil bagi kata ganti nama diri dalam dialek Banjar mengikut pemeringkatan umur. Golongan tua atau dewasa apabila bercakap dengan golongan sebaya dalam kata ganti dialek Banjar dikenali sebagai "Akok".

Kajian yang dilakukan oleh Minah Sintian et al. (2016) pula adalah berfokus pada perbandingan antara leksikal kata nama am (KNA) tujuh dialek suku keluarga Dusunik, iaitu dialek Bunduliwan (DBL), dialek Tatana (DTt), dialek Rungus (DR), dialek Dusun Bonggi (DDB), dialek Dumpas (DD), dialek Mangkaak (DM), dan dialek Tangara (DTg). Bagi kajian ini, kata leksikal dalam kata nama am

melibatkan persamaan dan perbezaan kata untuk maksud yang sama dan perbezaan maksud untuk perkataan yang sama. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengkaji telah membahagikan 207 kata Swades kepada lima bahagian kata nama am, iaitu manusia, haiwan, alam semula jadi, tubuh badan manusia atau haiwan, dan perkara yang dapat dihitung. Antara data kajian yang diperoleh ialah DBL, DTg, DTt, DDB, DR, DD dan DM menggunakan sebutan leksikal yang hampir sama untuk kata nama am 'anak' dan 'bapa'. DDB menggunakan leksikal berbeza berbanding dialek lain bagi merujuk kata nama am 'perempuan', 'lelaki', 'isteri', dan 'suami'. DTg dan DDB mempunyai kelebihan perbendaharaan kata untuk kata nama am 'isteri' dan 'suami' berbanding dialek DBL, DTt, DR, DD dan DM yang hanya menggunakan leksikal serupa untuk merujuk 'isteri' atau 'suami'.

Tahap Pemahaman Bahasa

Sikap dan Kefahaman Pelajar Terhadap Dialek Negeri Sembilan: Kajian Sosiolinguistik merupakan kajian Mohammad Fadzeli Jaafar et al. (2012) yang memberi tumpuan kepada aspek sikap golongan remaja dan kefahaman mereka terhadap dialek Negeri Sembilan. Hasil kajian mendapati sikap responden terhadap penggunaan dialek Negeri Sembilan adalah sederhana lantaran kurangnya galakan daripada ibu bapa menggunakannya dalam kehidupan seharian. Dari segi kefahaman pula, responden dilihat menunjukkan sikap yang positif, iaitu pelajar perempuan mencatat kefahaman yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki dengan nisbah 81% hingga 72%. Secara keseluruhannya, dapatan kajian adalah positif dari segi aspek sikap dan kefahaman serta penggunaan dialek dalam kalangan generasi muda amat digalakkan untuk mengelakkan daripada kepupusan.

Kajian Harishon Radzi et al. (2017) yang bertajuk “Tahap Pemahaman Leksikal Kata Kerja Dialek Melayu Kedah di Pulau Tuba dan Satun” pula berfokuskan kepada menganalisis tahap pemahaman leksikal dengan menggunakan analisis *Vocabulary Recognition Task* (VRT) DMK di dua kawasan serta menghuraikan tahap pemahaman leksikal DMK di lokasi kajian. Dapatan kajian mendapati tahap pemahaman DMK adalah berdasarkan kepada pemarkahan. Jumlah markah dikelompokkan kepada ‘lemah’ (0.0% -25.9%) ‘sederhana’ (26.0%-50.9%), ‘baik’ (51.0%-75.9%) dan ‘sangat baik’ (76.0% - 100.0%). Peratusan tahap pemahaman berada pada tahap ‘sangat baik’ iaitu 86.1% bagi informan di kedua-dua kawasan kajian. Hasil kajian memperlihatkan bahawa informan perempuan lebih banyak memahami leksikal DMK dengan ‘sangat baik’ kerana informan perempuan lebih banyak mengujarkan kata-kata. Selain itu, kesemua golongan umur masih menggunakan DMK dengan aktif meskipun segelintir daripada mereka tidak beberapa memahami leksikal yang ditanya dalam kajian ini.

3. Metodologi

Metodologi kajian atau penyelidikan merupakan teknik khusus yang digunakan dalam proses penyelidikan untuk mengumpulkan, mengorganisasi dan menilai data (Shuhairy Norhisham, 2019). Beliau juga menyatakan metodologi adalah alat-alat yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat yang relevan dalam kajian penyelidikan tertentu

Reka Bentuk

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kuantitatif. Selain itu, kajian ini dipilih berikutan oleh faktor tujuan kajian dan kumpulan sasaran pengkaji dalam menjalankan penyelidikan. Kaedah ini bersifat fleksibel dari segi memudahkan pengkaji untuk menyesuaikan perkara yang berkaitan jika terdapat sebarang perubahan persekitaran penyelidikan. Tambahan pula, penyelidikan ini melibatkan pemahaman mendalam tentang sikap, tingkah laku, proses sosial yang merangkumi kehidupan seharian bersesuaian dengan permasalahan kajian pengkaji. Reka bentuk ini juga dipilih untuk menerangkan tahap pemahaman golongan muda terhadap bahasa Bawean. Hal ini demikian kerana, kajian yang dijalankan menepati justifikasi kuantitatif yang melibatkan masyarakat dalam sesebuah penyelidikan.

Tempat Kajian

Kajian ini telah dijalankan di Kg. Tasek Permai, Ampang, Selangor. Lokasi kajian terletak di sebuah mukim dalam negeri Selangor Darul Ehsan. Lokasi ini dipilih kerana Ampang merupakan salah satu kawasan pilihan penghijrahan masyarakat suku kaum Bawean ke Malaysia dan penempatan mereka tertumpu di mukim tersebut.

Pensampelan

Pengkaji memilih untuk menggunakan dua kaedah pensampelan bukan kebarangkalian yang bersesuaian dengan reka bentuk kajian kualitatif bagi kajian ini. Pengkaji telah menggunakan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) semasa menjalankan kajian ini. Pensampelan bertujuan ialah sampel dipilih berdasarkan pengetahuan atau pengalaman lepas dan mempunyai sebab untuk memilih responden kajian tersebut berdasarkan matlamat dan objektif kajian. Pengetahuan pengkaji terhadap beberapa responden yang berkaitan dengan masyarakat Bawean menguatkan lagi pensampelan ini dipilih. Tambahan pula, dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan ciri-ciri khusus, iaitu individu yang terlibat adalah golongan muda yang berketurunan Bawean dan menetap di kawasan kajian.

Kaedah Pengumpulan Data

Berdasarkan dua objektif kajian, kaedah pengumpulan data dibahagikan mengikut kesesuaian untuk mencapai objektif yang berkesan. Soal selidik merupakan kaedah utama yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data daripada para responden. Selain itu, kaedah kepustakaan turut digunakan dalam membantu pengkaji melakukan kajian dan mengukuhkan lagi dapatan kajian yang diperoleh.

a) Kaedah Kepustakaan

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan melakukan pembacaan dalam mendapatkan maklumat mengenai kajian-kajian terdahulu dan teori-teori berkaitan dengan topik kajian. Langkah ini membolehkan pengumpulan data yang bersifat sekunder dapat dilakukan bagi menyokong dapatan kajian. Tambahan pula, fungsinya adalah bagi memberi gambaran permulaan dan hala tuju kajian pengkaji (Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid, 2016). Justeru, pengkaji telah melakukan pencarian rujukan berkenaan dengan kata nama dan tahap pemahaman masyarakat terhadap sesebuah bahasa.

Selain itu, kajian ini turut memanfaatkan kemudahan terkini, iaitu pengkaji mendapatkan bahan yang diperlukan melalui perpustakaan dalam talian. Contohnya, kebanyakan artikel dan jurnal yang telah diterbitkan boleh didapati di *Gema Online*, *Research Gate*, Jurnal Bahasa, *Scribd* dan beberapa bahan bacaan yang berkaitan. Kaedah kepustakaan ini adalah penting dalam memastikan pengkaji tidak terpesong daripada objektif kajian. Di samping itu, kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian pengkaji mampu menjadi sandaran dan melengkapkan data-data serta kelompangan dalam kajian ini.

b) Borang Soal Selidik

Pengumpulan data juga dilakukan dengan menggunakan aplikasi *Google Forms* bagi objektif kedua, iaitu tahap pemahaman golongan muda terhadap bahasa Bawean untuk diedarkan kepada responden. Soalan disediakan sepenuhnya dalam bahasa Melayu. Soalan-soalan dalam bahagian A adalah berkaitan dengan demografi responden, iaitu jantina, umur dan tahap pendidikan. Bahagian B pula bertujuan untuk menilai kefahaman bahasa Bawean dalam kalangan responden. Bahagian B adalah soalan terbuka yang memerlukan responden menjawab makna kata nama bahasa Bawean dalam bahasa Melayu dengan tepat. Terdapat sebanyak 40 perkataan dimuatkan ke dalam soal selidik. Cara pemilihan kata pula dilakukan berdasarkan teknik persampelan Krejcie & Morgan (1970).

4. Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini adalah berdasarkan pengenalpastian yang dilakukan dalam melihat perbezaan kata nama dalam dua bahasa suku kaum, iaitu Banjar dan Bawean. Berdasarkan hasil kajian mereka, terdapat

sebanyak 44 kata nama yang sememangnya berbeza dengan bahasa Bawean. Oleh itu, Jadual 1 menyenaraikan sebanyak 44 kata nama yang berbeza antara suku kaum Banjar dan suku kaum Bawean beserta definisi dalam bahasa Melayu.

Jadual 1: Kata Nama yang Berbeza antara Suku Kaum Banjar dan Suku Kaum Bawean

Bahasa Banjar	Bahasa Bawean	Simbol Fonetik Bahasa Bawean	Bahasa Melayu Standard
lalakik	lalake	[lalake]	lelaki
bibinik	bibine	[bibine]	perempuan
laki binian	lake bine	[lake bine]	suami isteri
rinjing	kobali	[kobali]	kuali
garingsing	kobali raje	[kobali rajə]	kawah
paringan	pereng	[pereŋ]	pinggan
tuju ke kanan	ngadep ka kanan	[ŋadep ka kanan]	tuju ke kanan
tuju ke kirik	ngadep ka kere	[ŋadep ka kere]	tuju ke kiri
tuju ke hedepan	ngadep ka adek	[ŋadep ka adəʔ]	tuju ke depan
tuju ke blekeng	ngadep ka budi	[ŋadep ka budi]	tuju ke belakang
muntung	colok	[coloʔ]	mulut
muhak	moa	[moa]	muka
talingak	kopeng	[kopeŋ]	telinga
lantuhot	to'ot	[to'ot]	lutut
kalalapun	kaleppon	[kaleppon]	kuih melaka
batil pisang	puppur kettheng	[puppur kətəəŋ]	bubur pisang
dadar gulung	thetter	[əəttər]	ketayap
balungan hayam	bu'us-bu'us	[bu'us-bu'us]	kuih koci
akok	eson	[eson]	saya
datuk	pak toa	[paʔ toa]	atuk
ayah	phuppak	[phuppaʔ]	ayah
umak	emmak	[əmmaʔ]	ibu
marina	ahli permili	[ahli pərmili]	saudara
pak long	obek	[obəʔ]	saudara sulung lelaki
paksu/maksu	paman/pipphik	[paman / pipphiʔ]	saudara bongsu
hampalam	pellem	[pəlləm]	mangga
niur	nyior	[ɲior]	kelapa
kelandak	dhurin	[dhurin]	durian
kustila	kostela	[kostela]	betik
saok	sabu	[sabu]	ciku
nasi sasangan	nasek kuring	[naseʔ kuriŋ]	nasi goreng
nasi lamak	nasek gurih	[naseʔ gurih]	nasi lemak
sasangan kuning	kella nyior	[kəlla ɲior]	gulai lemak
masak cabai prawet	amasak sambhel	[amasaʔ sambhəl]	masak sambal cili padi
ikan babanam	cukoq phekar	[cukoq phəkar]	ikan bakar
cacapan	aeng assem	[aeŋ assəm]	air asam
masak tuop	amasak paes-paes	[amasaʔ paes-paes]	masakan ikan berbalut daun pisang
sayur gangan karawila	khengan kella lemmak	[xəŋan kəlla ləmmaʔ]	sayur lemak
dudul	dhuddhul	[dhuddhul]	dodol
wajiq	bechid	[bəchid]	wajib
Katupat	katopak	[katopaʔ]	ketupat
Arba	Rapphu	[rapphu]	Rabu

Khamis	Kammis	[kammes]	Khamis
Jemahat	Chumaat	[chumaat]	Jumaat

Jadual 1 menunjukkan 44 perbezaan kata nama suku kaum Banjar dan suku kaum Bawean. Hasil kajian mendapati bahawa sememangnya kata nama kedua-dua suku kaum tersebut mempunyai perbezaan. Perbezaan tersebut bukanlah hanya sekadar perbezaan ejaan malah sebutannya juga adalah berbeza dan mempunyai kelainan yang banyak dan hanya beberapa perkataan sahaja yang mempunyai persamaan. Sebagai contohnya, perkataan "rinjing" dalam bahasa Banjar yang membawa maksud kuali adalah berbeza dengan "kobali" dalam bahasa Bawean. Selain itu, perkara ini dibuktikan lagi dengan bahasa Banjar telinga ialah "talingak" manakala bahasa Bawean adalah "kopeng". Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkataan dalam bahasa Banjar yang mempunyai keserupaan dengan bahasa Bawean. Misalnya, perkataan lelaki dalam bahasa Banjar ialah "lalakik" manakala dalam bahasa Bawean ialah "lalake". Seterusnya, perkataan "kalalapun" yang merupakan kuih gula melaka dalam bahasa Banjar dan "kaleppon" dalam bahasa Bawean. Meskipun terdapat beberapa perkataan bahasa Banjar dan bahasa Bawean yang mempunyai keserupaan, namun kedua-duanya adalah bahasa yang berbeza. Tuntasnya, kedua-dua kaum ini mempunyai bahasa yang tersendiri dan sememangnya mempunyai keunikan gaya bahasa dalam suku kaum masing-masing.

Tahap Pemahaman Golongan Muda Terhadap Bahasa Bawean di Ampang, Selangor

Dapatan kajian ini pula adalah berdasarkan penganalisisan daripada soal selidik dan diinterpretasikan dalam bentuk jadual dan huraian.

Jadual 2: Kata nama berkonsepkan peralatan dapur

Bil	Bahasa Bawean	Jumlah Betul	Peratus Betul (%)
1.	kobali	18	75
2.	kobali raje	0	0
3.	pereng	23	96

Kata nama dalam dialek Bawean yang berkonsepkan peralatan dapur menunjukkan kefahaman yang baik dan tidak baik dalam kalangan responden. Berdasarkan Jadual 2 bagi perkataan "kobali", responden memahami dengan baik perkataan tersebut, iaitu sebanyak 75% responden menyatakan maknanya ialah "kuali" manakala selebihnya tidak dapat memahami dengan baik. Hal ini demikian kerana mereka menjawabnya dengan tidak tepat, iaitu "periuk" atau tidak tahu. Kata nama "kobali raje" pula, mecatatkan sebanyak 0% atau kosong responden kerana tiada seorang responden yang memahami perkataan tersebut dan dapat menjawab dengan tepat. Kebanyakan responden, iaitu sebanyak 75% memahami maksudnya ialah "kuali besar". Namun begitu, makna sebenar bagi "kobali raje" ialah "kawah". Di samping itu, bagi kata nama "pereng" dalam dapatan jadual 2, responden menunjukkan kefahaman yang baik. Sebanyak 96% responden memberikan makna yang tepat bagi kata nama tersebut, iaitu dengan menyatakan "pinggan" atau "piring" sebagai jawapan. Hanya sebanyak 4% atau seorang responden tidak mengetahui istilah tersebut.

Jadual 3: Kata nama berkonsepkan "arah"

Bil	Bahasa Bawean	Jumlah Betul	Peratus Betul (%)
1.	ngadep ka kanan	23	96
2.	ngadep ka kere	23	96
3.	ngadep ka adek	20	83
4.	ngadep ka budi	22	92

Bagi kata nama yang menyatakan konsep "arah" pula, analisis menunjukkan majoriti responden mengetahui makna dalam bahasa Melayu bagi keempat-empat kata nama arah tersebut. Analisis "ngadep ka kanan" yang dijelaskan dalam Jadual 3 yang memberi maksud "hadap ke kanan" atau "pandang ke kanan" memperlihatkan sebanyak 96% responden memahami maknanya. Bagi istilah

“ngadep ka kere” yang bermaksud “hadap ke kiri”, “pandang ke kiri” dan “melihat ke kiri” juga memperlihatkan sebanyak 96% atau 23 responden memahami dengan baik maknanya.Sementara itu, sebanyak 83% responden memahami makna “ngadep ka adek” dengan memberi jawapan yang betul, iaitu “hadap ke depan” atau “pandang ke depan”. Kata nama “ngadep ka budi” pula menunjukkan sebanyak 92% bersamaan dengan 22 responden menjawabnya dengan betul. Mereka memahami dengan baik maksudnya, iaitu dengan menyatakan jawapannya ialah “menghadap ke belakang” atau “pandang ke belakang”.

Jadual 4: Kata nama berkonsepkan anggota badan

Bil	Bahasa Bawean	Jumlah Betul	Peratus Betul (%)
1.	colok	24	100
2.	moa	21	87
3.	kopeng	24	100
4.	toot	17	71

Keempat-empat kata nama dalam dialek Bawean yang berkonsepkan anggota badan menunjukkan responden memahami dengan baik perkataan-perkataan tersebut. Hal ini demikian kerana, berdasarkan Jadual 4, dapatan menunjukkan bagi perkataan “colok”, sebanyak 100% responden menjawabnya dengan betul. Responden menyatakan maknanya ialah “mulut”. Selain itu, bagi perkataan “moa”, hanya seramai tiga atau 13% responden sahaja yang salah dan tidak tahu makna perkataan tersebut ialah “muka”. Di samping itu, bagi istilah “kopeng”, sebanyak 100% responden memahami istilah tersebut dengan menyatakan maknanya ialah “telinga” manakala bagi istilah “toot”, 6 orang responden atau 29% salah dalam memahami maknanya ialah “lutut”. Walau bagaimanapun, majoriti memahami maksudnya dengan baik, iaitu sebanyak 71% responden.

Jadual 5: Kata nama berkonsepkan kuih

Bil	Bahasa Bawean	Jumlah Betul	Peratus Betul (%)
1.	kaleppon	14	59
2.	puppur kettheng	18	75
3.	thetter	15	63
4.	bu’us-bu’us	12	50

Bagi kata nama yang menyatakan konsep kuih pula, hasil kajian menunjukkan bahawa sebahagian responden hanya memahami dua perkataan dan sebahagian lagi tidak begitu mengenali dan memahami dua perkataan tersebut. Berdasarkan jadual 5, bagi perkataan “kaleppon”, responden tidak memahami dengan baik perkataan tersebut, iaitu hanya sebanyak 59% responden menyatakan maknanya ialah “gula melaka”, “buah melaka” atau “onde-onde” manakala selebihnya tidak dapat memahami dengan baik. Hal ini demikian kerana mereka menjawabnya dengan tidak tepat, iaitu dengan memberi jawapan seperti “letih”, “telefon”, “karipap” atau tidak tahu.

Perkataan “puppur kettheng” dan “thetter” pula, masing-masing responden memahami dengan baik makna kuih tersebut. Sebanyak 75% responden memberi makna bubur pisang bagi “puppur kettheng” dan selebih memberi maknanya ialah “bubur pulut” atau tidak tahu. Bagi kuih “thetter” pula, sebanyak 63% responden menyatakan makna yang betul, iaitu “dadar” dan “ketayap”. Walau bagaimanapun, terdapat juga responden yang menyatakan maknanya yang salah, iaitu “telur dadar”, “lempeng” atau “pulut”.

Kuih yang bernama “bu’us-bu’us” pula menunjukkan peratusan responden sebanyak 50% atau separuh responden sahaja yang memahami makna kuih tersebut ialah “kuih koci”. Antara jawapan responden lain yang salah ialah “kuih rebus”, “lepat”, “keropok lekor dan pelbagai lagi yang menyumbang kepada ketidakfahaman mereka terhadap perkataan tersebut.

Jadual 6: Kata nama yang menyatakan konsep kata ganti nama diri orang

Bil	Bahasa Bawean	Jumlah Betul	Peratus Betul (%)
1.	eson	24	100
2.	pak toa	5	21
3.	phuppak	24	100
4.	emmak	24	100
5.	obek	2	8
6.	paman	1	4
7.	pipphik	4	18

Terdapat sebanyak tujuh kata nama bagi konsep kata ganti nama diri orang yang dinyatakan dalam soal selidik. Dapatan menunjukkan kesemua responden, iaitu sebanyak 24 responden bersamaan dengan 100% memahami dengan betul tiga daripada tujuh kata nama tersebut. Tiga kata ganti nama diri tersebut ialah, "eson", "phuppak" dan "emmak". Berdasarkan jadual 6, terdapat tiga kata nama mereka berjaya memahaminya dengan baik, iaitu dengan menyatakan maknanya ialah "saya"atau "aku" bagi "eson", "bapa" atau "ayah" bagi "phupphak" dan "emak" atau "ibu" bagi "emmak".

Sementara itu, bagi kata ganti nama diri yang lain, iaitu "pak toa", "obek", "paman", dan "pipphik", kebanyakan responden dilihat tidak memahami kata ganti nama diri tersebut. Bagi perkataan "pak toa", hanya seramai lima responden atau 21% memahami perkataan tersebut ialah "atuk" manakala responden yang lain memberi makna yang salah seperti "orang tua", "bapa mertua" dan banyak lagi. Seterusnya, 4% responden sahaja yang memahami makna istilah "obek" dengan memberi jawapannya ialah "abang atau kakak kepada ibu ayah" atau "mak cik atau pak cik lagi tua manakala bagi istilah "paman" pula hanya seorang responden memahami maknanya ialah "adik lelaki kepada ibu ayah". Akhir sekali, bagi perkataan "phipphik" pula, sebanyak 18% responden yang menyatakan makna perkataan tersebut dengan benar, iaitu "mak cik atau adik kepada ibu bapa", "mak cik lebih muda daripada mak" dan "adik perempuan kepada ibu ayah".

Jadual 7: Kata nama berkonsepkan buah-buahan

Bil	Bahasa Bawean	Jumlah Betul	Peratus Betul (%)
1.	pellem	24	100
2.	nyior	24	100
3.	dhurin	22	92
4.	kostela	15	63
5.	sabu	10	42

Kata nama konsep buah-buahan yang dinyatakan dalam bahasa Bawean dalam soal selidik menunjukkan rata-rata responden mengenali dan memahami dengan baik perkataan-perkataan tersebut kecuali hanya dua perkataan sahaja pada tahap yang tidak baik. Buah yang bernama "pellem", "nyior", dan "dhurin" merupakan tiga perkataan yang majoriti responden memahaminya. Jadual 7 menunjukkan perkataan "pellem" yang membawa maksud "mangga" atau "mempelam", iaitu sebanyak 100% responden memberi jawapan yang benar.

Bagi perkataan "nyior" pula, dapatan menjelaskan sebanyak 100% responden juga memahami perkataan tersebut dengan menyatakan maknanya ialah "kelapa" manakala "dhurin" yang bermaksud "durian" memperlihatkan hanya dua atau 8% responden tidak mengetahui maknanya. Selain itu, perkataan "kostela", yang membawa makna "betik" dan "sabu", iaitu "ciku" pula masing-masing menunjukkan 15 responden dan 10 responden dapat menjawabnya dengan betul.

Jadual 8: Kata nama berkonsepkan "makanan"

Bil	Bahasa Bawean	Jumlah Betul	Peratus Betul (%)
1.	nasek kuring	23	96
2.	nasek gurih	1	4
3.	kella nyior	13	55
4.	amasak sambhel	24	100
5.	cukoq phekar	21	88
6.	aeng assem	23	96
7.	amasak paes-paes	15	62
8.	dhuddhul	24	100
9.	bechid	16	68
10.	katopak	21	88

Terdapat sebanyak 10 kata nama bagi konsep makanan yang dinyatakan dalam soal selidik. Hasil kajian menunjukkan majoriti responden memahami dengan betul hanya enam daripada 10 perkataan tersebut. Jadual 8 menjelaskan sebanyak 96% responden memahami dengan baik perkataan "nasek kuring" ialah "nasi goreng". Kebanyakan responden pula tidak memahami perkataan "nasek gurih". Hal ini demikian kerana hanya seorang responden sahaja memahami bahawa maknanya ialah "nasi lemak" manakala responden yang lain memberi jawapan yang tidak benar seperti "nasi putih", "nasi garing", "nasi kari" dan banyak lagi.

Selain itu, bagi perkataan "kella nyior", hanya separuh responden dengan peratusan sebanyak 55% mempunyai pemahaman terhadap perkataan tersebut. Mereka berjaya menyatakan maknanya ialah "masak lemak", "kuah lemak", "lemak santan" dan "gulai lemak". Bagi perkataan "amasak sambhel" pula, sebanyak 100% responden mempunyai pemahaman yang baik terhadap perkataan "amasak sambhel" ialah "masak sambal" atau "nak masak sambal". Seterusnya, perkataan "cukoq phekar" mencatatkan jumlah sebanyak 88% responden memahaminya dengan makna "ikan bakar" dan selebihnya ialah "ikan" dan tidak tahu.

Di samping itu, bagi perkataan "aeng assem", peratusan responden sebanyak 96% menjelaskan bahawa mereka memahami bahawa maknanya ialah "air asam". Istilah "amasak paes-paes" pula memperlihatkan bahawa sebanyak 62% responden memahami istilah tersebut. Antara pemahaman mereka ialah "masak pais", "masak ikan dalam daun pisang", "masak pepes" dan banyak lagi. Sementara itu, bagi istilah "dhuddhul", 24 responden bersamaan 100% memahami dengan baik bahawa maknanya ialah "dodol".

Akhir sekali, sebanyak 68% responden memahami perkataan "bechid" ialah "wajid", "wajik" dan "wajit" manakala responden yang selebihnya tidak dapat memahaminya dengan menyatakan maknanya ialah "pulut hitam", "kuih pulut merah" dan tidak tahu. Perkataan "katopak" pula menjelaskan bahawa sebanyak 21 responden bersamaan 88% menyatakan maknanya dengan betul, iaitu "ketupat". Namun begitu, segelintir responden menyatakan maknanya ialah "ketupak" dan tidak tahu.

Jadual 9: Kata nama berkonsepkan hari

Bil	Bahasa Bawean	Jumlah Betul	Peratus Betul (%)
1.	Rapphu	23	96
2.	Kammis	23	96
3.	Chumaat	23	96

Kata nama konsep hari yang dinyatakan dalam bahasa Bawean dalam soal selidik menunjukkan hampir kesemua responden mengetahui dan memahami dengan baik perkataan-perkataan tersebut. Bagi kedua-dua perkataan, iaitu "Rapphu" dan "Kammis" yang membawa maksud "Rabu" dan "Khamis", masing-masing mencatatkan peratusan responden yang sama, iaitu sebanyak 96% atau 23 responden memahaminya dengan baik. Analisis telah ditunjukkan dalam Jadual 9 manakala perkataan "Chumaat", sebanyak 100% atau 24 responden memahaminya dengan baik, iaitu hari "Jumaat".

Perbincangan Dapatan Kajian

Pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa sememangnya terdapat perbezaan kata nama antara suku kaum Banjar dengan suku kaum Bawean. Proses bagi mendapatkan dapatan bagi objektif pertama ini ialah pengkaji mengenal pasti terlebih dahulu kata nama yang berbeza dalam kajian Mohd Khaidir dan Mohd NorTaufiq (2020) yang bertajuk "Aspek Leksikal Kata Nama dalam Dialek Masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai Perak" bagi bahasa Banjar. Perbezaan tersebut dipastikan lagi dengan pertanyaan kepada informan kajian yang sememangnya masyarakat Bawean. Hasilnya, pengkaji mendapati terdapat 44 kata nama yang berbeza antara suku kaum Banjar dan suku kaum Bawean dan telah dipersembahkan dalam bentuk jadual.

Seterusnya, kajian ini telah berjaya mengumpul sebanyak 24 responden untuk mengetahui tahap pemahaman mereka terhadap bahasa Bawean bagi objektif kedua. Dapatan kajian mendapati bahawa golongan muda masih dalam tahap pemahaman yang tinggi terhadap bahasa tersebut. Hal ini lantaran kerana kebanyakan responden berjaya menjawab dengan baik 40 soalan kata nama bahasa Bawean yang berkonsepkan pelbagai seperti peralatan dapur, arah, makanan dan sebagainya. Di samping itu, penelitian juga dilakukan oleh pengkaji bahawa golongan muda sememangnya memahami bahasa Bawean yang terdiri daripada kata nama yang sudah menjadi kegunaan dan kebiasaan dalam kehidupan seharian mereka. Namun begitu, terdapat juga beberapa kata nama yang tidak difahami oleh mereka yang menunjukkan bahawa kata nama tersebut tidak biasa didengari atau asing bagi mereka yang menyebabkan mereka tidak dapat menyatakan maknanya dalam kajian ini.

Tuntasnya, persoalan kajian yang dikemukakan dalam dapatan kajian menjelaskan bahawa kajian tahap pemahaman golongan muda terhadap bahasa Bawean di Ampang, Selangor telah berjaya dilaksanakan.

5. Kesimpulan

Konklusinya, kajian ini telah berjaya meneliti perbezaan bahasa antara dua suku kaum, iaitu suku kaum Banjar dan suku kaum Bawean dan juga tahap pemahaman golongan muda terhadap bahasa Bawean. Bagi perbezaan bahasa dua suku kaum tersebut, kajian telah membuktikan bahawa kedua-dua bahasa tersebut mempunyai kelainan dan keunikan yang tersendiri. Selain itu, bagi tahap pemahaman golongan muda terhadap bahasa Bawean, kefahaman mereka terhadap bahasa ini berada dalam keadaan yang baik. Hal ini demikian kerana mereka berupaya memahami dengan baik kata nama yang dinyatakan dalam borang soal selidik. Namun begitu, bahasa ini perlu terus dipelihara dan dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat Bawean supaya bahasa ini tidak pupus dek zaman. Di samping itu, kajian ini diharap memberi manfaat kepada segenap lapisan masyarakat di seluruh dunia khususnya golongan yang terlibat dalam pembelajaran serta penyelidikan bahasa. Kajian seumpama ini diharap juga dapat memberi inspirasi kepada pengkaji akan datang bagi meneliti bahasa Bawean dengan lebih mendalam.

Rujukan

Atiqah Khalid. (2019). Keunikan Seni Persembahan Kemplingan Cerminan Masyarakat Jawa Johor: Kajian Kes di Parit Kassan, Muar. https://www.researchgate.net/publication/330465751_KEUNIKAN_SENI_PERSEMBAHAN_KEMPLINGAN_CERMINAN_MASYARAKAT_JAWA_JOHOR_KAJIAN_KES_DI_PARIT_KASSAN_MUAR

Crawford & Irving. (2009). Information literacy in the workplace: a qualitative exploratory study. *Journal of Librarianship and Information Science, 41*(1), pp. 29-38. https://doi.org/10.1177/0961000608099897

Harishon Radzil et al. (2018). Tahap Pemahaman Leksikal Kata Kerja Dialek Melayu Kedah di Pulau Tuba dan Satun. *Jurnal Melayu*, *17*(1), 74-93. file:///C:/Users/User/Downloads/25121-74239-1-SM.pdf

Hishamudin Isam et al. (2018). Kekwat: di mana bahasa dan akal budi bangsa kita?. *Jurnal Linguistik, 22*(1), 1-17.

Kalthum Ibrahim. (2017). Cerminan jati diri penuturnya dalam dialek negeri sembilan. *Jurnal Linguistik, 21*(1), 29-35.

Khadijah Sidek. (6 Mac, 2021). Anak muda Perak malu bertutur dialek sendiri. Berita Harian. Diakses dari https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2021/03/793781/anak-muda-perak-malu-bertutur-dialek-sendiri

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, *30*(3), 607–610. https://doi.org/10.1177/001316447003000308

Liyana Dian Prastiwi. (2019). Integrasi Leksikon Bahasa Jawa Ke Bahasa Bawean (Kajian Sosiolinguistik). Jurnal Ilmiah Indonesia, 7(3). http://dx.doi.org/10.36418/syntax-literate.v7i3.6474

Minah Sintian et al. (2016). Perbandingan Leksikal Kata Nama Am dalam Dialek Keluarga Dusunik. https://www.researchgate.net/publication/306402525_PERBANDINGAN_LEKSIKAL_KATA_NAMA_AM_DALAM_DIALEK_KELUARGA_DUSUNIK_The_Comporison_of_Lexical_Common_Nouns_in_the_Dusunic_Family_Dialect

Mohd Khaidir Abdul Wahab & Mohd NorTaufiq Norhashim. (2020). Aspek Leksikal Kata Nama dalam Dialek Masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai Perak. *E-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, *2*(2), 67-78. https://doi.org/10.53840/ejbl.v2i2.50

Mohamad Fadzeli Jaafar et al. (2012). Sikap Dan Kefahaman Pelajar Terhadap Dialek Negeri Sembilan: Kajian Sosiolinguistik. GEMA Online *Journal of Language Studies*, 1193 (4). http://journalarticle.ukm.my/5780/1/1578-2969-1-SM.pdf

Muhammad Ridhwan Sarifin et al. (2016). Serupa tapi berbeza: kajian kes komuniti Bawean Kampung Sungai Tiram, Johor Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space, 12* (5), 1-10.

Muhammad Ridhwan Sarifin et al. (2017). Budaya dan Identiti dalam Kalangan Orang Bawean Malaysia. https://www.researchgate.net/publication/338336662_Budaya_dan_Identiti_dalam_Kalangan_Orang_Bawean

Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid. (2016). Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebitaraan Perenggu Minda Melayu. *Jurnal Melayu*, *15*(2), 146-159. http://journalarticle.ukm.my/9964/1/16184-45371-1-SM.pdf

Roksana Bibi Abdullah. (2006). Pengalihan bahasa di kalangan masyarakat Bawean di Singapura: Sebab dan akibat. Diakses dari https://repository.nie.edu.sg/bitstream/10497/15651/1/PABSB-2006-285_a.pdf

Saibi Ibrahim. (1977). Orang Bawean di Malaya hingga 1940. (Latihan Ilmiah) Program Pengajian Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shuhairy Norhisham. (2019). Apakah Metodologi Kajian? Diakses dari https://www.pascasiswazah.com/apakah-metodologi-kajian/

Ummi Adibah. (2019). Teknik Pengumpulan Data. Diakses dari https://www.pascasiswazah.com/teknik-pengumpulan-data/

Ummi Adibah. (2019). Kaedah Analisis Data: Kualitatif & Kuantitatif. Diakses dari https://www.pascasiswazah.com/kaedah-analisis-data-kualitatif-kuantitatif/

Zainal Abidin Borhan. (1982). Masyarakat Bawean (Boyan) di Melaka. In: Khoo Kay Kim (ed) Melaka dan Sejarahnya. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka.

Biodata Penulis

Mohamad Suhaizi Suhaimi, Ph.D

Pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh. Bidang pengkhususan beliau ialah Penerbitan Buku Bahasa Melayu dan Sosiolinguistik.

Nurul Afiah Ahsan

Graduan bagi program Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa melalui Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh.